

30/03/1998

Keputusan kerajaan legakan pelajar

Azizi Othman in London

LONDON, Ahad - Penuntut Malaysia di sini menyifatkan keputusan kerajaan untuk tidak memanggil mereka pulang sebagai sesuatu yang akan mendorong ke arah peningkatan prestasi pengajian.

Pegawai Akhbar Majlis Eksekutif Pelajar Malaysia United Kingdom (UKEC Malaysia), Sherina Anwar, berkata pengumuman itu pasti melegakan semua pelajar Malaysia di sini.

"Perkara yang lebih penting ialah kedudukan mereka kini tidak lagi terumbang-ambing dan dapat menumpukan perhatian sepenuhnya kepada pengajian," katanya di sini, semalam.

Beliau mengulas pengumuman Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak, bahawa kerajaan memutuskan untuk tidak memanggil pulang pelajar Malaysia di seberang laut.

Keputusan itu, yang dibuat dengan persetujuan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad diambil selepas meneliti kesan yang akan dihadapi penuntut terbabit apabila dibawa pulang berikutan kegawatan ekonomi.

Sementara itu, seorang lagi pegawai akhbar UKEC Malaysia, Mufrizal Abu Sufian, berkata keputusan itu akan menaikkan semangat penuntut Malaysia di sini untuk berusaha lebih gigih.

"Sebelum ini tidak dinafikan, ramai penuntut yang sudah kehilangan semangat untuk belajar kerana mereka sendiri tidak pasti mengenai nasib mereka sama ada kekal di sini atau terpaksa pulang," katanya.

Sehubungan itu, beliau menyifatkan keputusan kerajaan itu sebagai langkah terbaik demi menjaga kepentingan dan kebajikan penuntut Malaysia di seberang laut secara keseluruhannya.

(END)